

17/01/2002

Penjaja terharu keprihatinan PM

ty Subayarti

KUALA LUMPUR, Rabu - Golongan penjaja rata-rata terharu dengan keprihatinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap nasib mereka dan mengalu-alukan saranan beliau supaya lebih banyak gerai tetap dibina.

Sementara itu, beberapa pihak berkuasa tempatan menyahut saranan Perdana Menteri dengan mengenal pasti beberapa lokasi bagi pembinaan gerai tetap.

Persatuan Pengguna Kelantan (KCA) menyokong cadangan kerajaan menaik taraf gerai peniaga kecil yang sebelum ini menjalankan perniagaan di tepi jalan.

Setiausaha KCA, Azhari Muhamad, berkata langkah itu tanda prihatin Dr Mahathir kepada nasib peniaga dan penjaja kecil.

Katanya, sudah sampai masanya nasib peniaga dan penjaja kecil dibela, seperti gerai mereka dinaik taraf dengan tempat perniagaan tetap seperti dimiliki pengusaha besar.

"Saya mengalu-alukan langkah kerajaan itu dan cadangan Dr Mahathir itu jelas untuk membela nasib peniaga Melayu terutama penjaja kecil.

"Misi beliau (Dr Mahathir) sangat jauh. Kita sebelum ini tidak terfikir yang nasib penjaja boleh diubah, tetapi kerajaan sudah mengambil langkah itu sekarang yang tepat pada masanya," katanya ketika dihubungi di Kota Bharu.

Kebanyakan golongan peniaga dan penjaja kecil di ibu kota pula berpendapat lokasi pusat penjaja perlu dibina di kawasan yang lebih strategik bagi memudahkan pelanggan.

Tinjauan Berita Harian di sekitar Bangsar dan Brickfields hari ini mendapati mereka bersetuju dengan saranan Perdana Menteri semalam untuk membina gerai bagi memastikan tempat menjaja diurus dengan sempurna.

Seorang peniaga, Jasril Mahmud, 38, berkata beliau mengalu-alukan saranan itu kerana ia memberi peluang kepada mereka berniaga di kawasan bersih dan lengkap pelbagai kemudahan bagi mempertingkatkan imej.

Menurutnya, pada masa yang sama gerai sedia ada akan dinaikkan taraf bertujuan memastikan persekitaran bersih.

Shamsuddin Tamat, 40, yang sudah berniaga tiga tahun berkata, saranan itu memang sesuai bagi membolehkan ia dapat ditadbir dengan baik.

Sementara itu, Jurucakap Jabatan Penjaja dan Peniaga Kecil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, berkata dalam perancangan masa depan, pihaknya bercadang membina kompleks penjaja bertingkat bagi menempatkan peniaga dan penjaja di satu kawasan khusus.

Katanya, kompleks penjaja yang dicadang dibina di pusat bandar raya berhampiran Wisma Shen seluas 0.47 hektar itu bakal dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur termasuk tempat letak kereta dan surau.

"Apabila projek ini siap dibina, kami akan memindahkan peniaga dan penjaja kali lima yang menjalankan perniagaan di sekitar Jalan Masjid India, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan kawasan berhampiran ke situ," katanya ketika dihubungi.

Di ALOR STAR, Majlis Perbandaran Kota Star (MPKS) menyediakan peruntukan RM800,000 bagi membina lebih 100 gerai tetap untuk penjaja dan peniaga kecil di semua kawasannya, awal tahun ini.

Gerai tetap itu akan memperkenalkan konsep seperti di hentian lebuhraya Rehat dan Rawat (R&R) yang mempunyai kemudahan lengkap dan reka bentuk serta landskap menarik.

Menurut Penolong Setiausaha MPKS, Abdul Ghani Zainudin, sehingga kini, pihaknya telah mengenal pasti beberapa kawasan tumpuan orang ramai yang

sesuai untuk membina gerai tetap khusus bagi penjaja dan peniaga sedia ada yang berniaga secara berselerak.

Di IPOH, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Perak diarah mengenal pasti lokasi sesuai bagi membina gerai kekal di setiap daerah yang boleh dimanfaatkan peniaga.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan negeri bersetuju dengan saranan Perdana Menteri supaya lebih banyak gerai kekal dibuka.

"Kerajaan negeri mahu Upen yang pilih lokasi sesuai kerana jika kita minta majlis daerah, mereka mungkin akan pilih kawasan yang peniaga mahu berniaga," katanya di sini, hari ini.

Di JOHOR BAHRU, pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah menempatkan penjaja dan peniaga kecil yang berniaga secara berselerak di tapak sementara termasuk di tepi jalan di bandar di seluruh negeri ini ke gerai tetap.

Sambil mengalu-alukan saranan Perdana Menteri supaya gerai tetap dibina untuk penjaja, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata PBT bekerja keras untuk tujuan itu.

"Jumlah penjaja dan peniaga kecil yang berniaga di gerai dan warong di seluruh negeri ini agak besar dan langkah menempatkan semua mereka agak sukar dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Namun, PBT tetap bekerja keras membina lebih banyak warong dan gerai kekal dengan kemudahan asas di lokasi sesuai untuk penjaja dan peniaga kecil," katanya di sini, hari ini.

Di KUALA TERENGGANU, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Terengganu menyambut baik saranan Perdana Menteri membina gerai tetap itu.

Yang Dipertuanya, Abdul Wahab Awang, berkata persatuan sudah lama mengharapkan gerai berkenaan supaya kedudukan mereka tidak terus terpinggir.

DI SEREMBAN, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Sembilan, Abu Bakar Md Deli, berkata pembinaan gerai dan menaik taraf premis sedia ada akan memberi manfaat kepada penjaja dan peniaga kecil.

"Ia membuktikan keprihatinan kerajaan membantu golongan bawahan dan pada masa sama, penjaja dan peniaga kecil perlu lebih bekerja keras memajukan diri masing-masing," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, menganggap langkah kerajaan pusat membina gerai tetap di setiap bandar di negara ini, boleh membantu meningkatkan taraf ekonomi penjaja.

Katanya, langkah itu juga jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap nasib golongan itu, sekali gus membolehkan mereka berniaga dengan sempurna.

DI PULAU PINANG, Timbalan Yang Dipertua, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMP), Abdul Rafique Karim, berkata penyediaan gerai tetap dapat memastikan penjaja berniaga dalam keadaan lebih selesa di kawasan strategik.

Beliau yang juga Pengerusi Peruncitan DPMM Pusat, berkata selain mempunyai gerai tetap, premis berkenaan juga perlu diselenggara dengan baik, terutama daripada aspek kebersihan.

(END)